



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 8 BILANGAN 16

RABU, 21 OGOS, 1963.

رابو 2 ربيع الآخر 1383

PERCHUMA

D.Y.M.M. MELANTEK 6 ORANG PEGAWAI2

*Sa-bagai Pegawai2 Darjah
Kebesaran Brunei*

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah berkenan melantek enam orang Pegawai2 Kerajaan Brunei sa-bagai Pegawai2 Darjah Kebesaran Brunei. Demikian menurut satu kenyataan yang telah di-keuarkan oleh Ketua Pegawai 'Adat Istiadat Dalam Istana, Brunei.

Kenyataan itu menyatakan bahawa Yang Teramat Mulia Pengetua Pegawai 'Adat Istiadat Negara Brunei telah di-lantek sa-bagai Menteri bagi Darjah Kerabat, Darjah Pahlawan Negara, Darjah Setia Negara, Darjah Mahkota dan Darjah Perwira Negara.

Ketua Pegawai 'Adat Istiadat Dalam Istana telah di-lantek sa-bagai Setia Usaha dan Pendaftaran Darjah2 Kebesaran tersebut.

Yang Mulia Mufti Kerajaan Brunei telah di-lantek sa-bagai Imam bagi Darjah Kerabat dan Darjah Pahlawan Negara Brunei.

**PERADUAN MENGARANG
LAKUNAN SANDIWARA
RADIO — Lihat Muka 5.**

Sambutan Hari Jadi D.Y.M.M.

KUALA BALAI. — Penduduk2 di-Kuala Balai, Labi dan Bukit Sawat akan menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada bulan hadapan di-kampung masing2.

Berbagai2 acara akan diadakan di-antara-nya ia-lah Peraduan Membacha Al-Koran, Malam Anika Warna, Sukan dan Perlumbaan Perahu.

PERTANDINGAN "TALENTINE" RADIO BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Akhir "Talentine" Tahun 1963 Bahagian Inggeris, Radio Brunei akan di-adakan di-Dewan Maktab Anthony Abell, Seria pada 31 Ogos akan datang mulai pada pukul 7.30 malam.

Kenyataan itu berkata bahawa dua orang Pegawai Pejabat Ugama Brunei telah di-lantek untuk menjawat jawatan Imam bagi Darjah2 lain.

Pegawai2 tersebut ia-lah Kadhi Daerah Tutong sa-bagai Imam bagi Darjah Setia Negara dan Darjah Mahkota Brunei. Untuk sementara waktu jawatan ini dipegang oleh Yang di-Muliakan Bagawan Khatib Haji Metali.

Kadhi Daerah Belait telah di-lantek sa-bagai Imam bagi Darjah Perwira Brunei. Untuk sementara waktu jawatan ini dipegang oleh Yang di-Muliakan Bagawan Mudim Haji Adnan.

Pegawai Siaran Radio dan Penerangan, Daerah Brunei ia-lah Bentara bagi Darjah Kerabat, Darjah Pahlawan Negara, Darjah Setia Negara, Darjah Mahkota dan Darjah Perwira Negara. Untuk sementara waktu, jawatan ini di-jalankan oleh Yang Mulia Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid.

PEGA WAI2 KERAJAAN THAI MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Thai, Inche Anand Panyarachun dari Kementerian Hal Ehwal Luar, Inche Chaninan Yuvaaboon dari Kementerian Dalam Negeri dan Major Prasert Kochamahit dari Kementerian Pertahanan telah melawat ka-Brunei pada hari Selasa 13 Ogos dalam bidang kunjungan mereka ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Turut datang ka-Brunei dari Kuching bersama2 dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Thai itu ia-lah Pesuruh Jaya Kerajaan Australia di-Singapura, Inche B. Woolcock.

Mereka telah di-temui di-Lapangan Terbang Berakas oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman.

Pegawai2 Kanan Kerajaan

Thai tersebut telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Sir Omar Ali Saifuddin di-Istana Darul Hana pada petang hari tersebut.


Terlebih dahulu mereka telah mengadakan pertemuan2 dengan Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei, Yang Terutama Inche A.M. MacIntosh; Pesuruh Jaya Kemajuan Negara Brunei, Yang

PEMBUKAAN MAJLIS MESHUARAT NEGERI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin akan merasmikan pembukaan Majlis Meshuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan Bandar Brunei pada pukul 9 pagi hari Rabu 28 Ogos, 1963.

Orang ramai yang berhajat hendak menyaksikan upacara tersebut, boleh-lah menghantar permohonan mereka kepada Jurutulis Majlis Meshuarat Negeri Brunei tidak lewat dari nari ini.

Hanya orang ramai yang mempunyai surat2 kebenaran masuk sahaja yang akan di-benarkan masuk ka-Dewan Kemasharakatan pada hari tersebut.



Tiga orang Pegawai2 Kanan Kerajaan Thai yang telah melawat ka-Negeri Brunei baharu2 ini telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin dan ka-lain2 tempat di-negeri ini. Dalam gambar ini kelihatan Pegawai Penerangan dan Siaran Radio, Daerah Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid (nombor 2 dari kanan) sedang memberi penerangan kepada sa-orang pelawat tersebut di-Mesjid Omar Ali Saifuddin.

Berhormat Inche Sa'ad bin Marzuki dan Penasehat Ekonomi Pertubuhan Bangsa2 Bersatu di-Brunei, Doktor J.S. Gould.

Lewat petang hari tersebut para pelawat itu telah di-jemput menyaksikan upacara perbarisan oleh Pasokan2 Pancharagam Tentera2 Inggeris dan Gurkha di-Padang Besar Bandar Brunei dan menghadhiri majlis jamuan oleh Ibu Pejabat Pasokan Gurkha Infantry Yang Ka-99.

Mereka telah mengadakan pertemuan dengan Pegawai2 Kanan Kerajaan Brunei pada pagi hari Rabu 14 Ogos dan telah berangkat ka-Jesselton dengan kapal terbang pada tengah hari tersebut.



PUAN JUSNANI B.Sc.

Gambar dengan ehsan akhbar SALAM.

Puan Jusnani Dapat Degree "B.Sc."

BANDAR BRUNEI. — Puan Jusnani binti Lawie dari Negeri Brunei telah lulus dari Universiti Bristol, England dengan mendapat degree "Bachelor of Science" baharu2 ini.

Maka dengan kejayaan-nya itu, Puan Jusnani ia-lah penuntut perempuan yang pertama sa-kali dari Negeri Brunei yang telah lulus dan mendapat degree dari sa-sabua Universiti.

Ia telah melanjutkan pelajaran di-England atas biasiswa Kerajaan Brunei semenjak lima tahun dahulu.

Upacara menyampaikan degree tersebut kepada Puan Jusnani dan lain2 mahasiswa Universiti tersebut telah di-adakan pada 3 Julai, 1963 di-Universiti Bristol itu.

Puan Jusnani akan tinggal di-London sa-lama sa-tahun lagi untuk memperolehi Ijazah Pelajaran dari Universiti London.

Kursus itu akan di-mulai dalam bulan Oktober akan datang.

Pada masa ini Puan Jusnani sedang berchuti di-Negeri Italy sa-belum menghadhiri kursus tersebut.

Ia di-jangka balek ka-Negeri Brunei pada pertengahan tahun hadapan kelak.

Penuntut2 Singapura Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang penuntut sekolah2 di-Singapura telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan mereka ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Samasa lawatan tersebut penuntut2 itu telah melawat ka-Mesjid Omar Ali Saifuddin, Kampong Ayer, Sharikat Pertukangan Perak, Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul A'am, Sekolah Melayu Lela Menchanai Sekolah Melayu Gadong, kawasan padang minyak di-Seria dan ka-lain2 tempat.

PENGIRAN MOMIN MERASMIKAN PEMBUKAAN DARJAH DEWASA UGAMA BAHAGIAN LELAKI

KUALA BELAIT. — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan Darjah Dewasa Ugama bahagian lelaki di-Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait sadikit hari dahulu.

Darjah Dewasa Ugama Jerudong

JERUDONG. — Pembukaan Darjah Dewasa Ugama Kampong Jerudong telah di-rasmikan pada petang dari Ahad 18 Ogos, 1963 oleh Inche Puasa bin Orang Kaya Seri Pahlawan Tudin selaku Wakil Pegawai Daerah Brunei dan Muara.

Majlis itu di-mulai dengan bacaan Kitab Suchi Al-Koran oleh Inche Abdul Hamid bin Jais.

Dalam ucapan-nya Inche Puasa berkata bahawa pelajaran Ugama Islam ada-lah berguna bagi memandu dan menunjok kepada orang2 Islam ka-jalan yang suchi.

Pengerusi Darjah2 Dewasa Ugama Bahagian Tutong, Inche Mahalle bin Haji Abdullah ketika berucap di-majlis tersebut, berkata bahawa tujuan Kerajaan Brunei mengadakan Darjah2 Dewasa Ugama ia-lah untuk memberi peluang kepada orang2 dewasa supaya mempelajari dan mengetahui Ugama Islam sadalam2-nya.

Inche Mahalle telah menyeru kepada penuntut2 Darjah Dewasa Ugama di-Kampong Jerudong supaya mereka belajar dengan rajin dan berharap mudah2an bilangan penuntut2 di-Darjah2 Dewasa Ugama di-kampong itu akan bertambah lagi.

PAMERAN BUNGA2 ORKID

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Perayaan Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan bagi Daerah Belait telah bersetuju hendak mengadakan Pameran Bunga2 Okid, ia-itu sabagai salah satu-daripada acara2 sambutan Hari Jadi Baginda pada tahun ini.

Pengerusi Jawatan Kuasa tersebut, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail berkata bahawa orang ramai yang chenderong hendak mengambil bahagian dalam Pameran Bunga2 Okid tersebut boleh-lah berhubung dengan Inche Clifton Liew, atau Inche Leong Chong Thau atau pun dengan Inche Samad Johari dari Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Pameran Bunga2 Okid itu adalah di-susun sa-bagai perhubungan dan akan di-adakan pada 29 September akan datang.

Pengiran Momin berkata dalam ucapan-nya di-majlis tersebut bahawa tidak-lah ada batasan umur pada masa menuntut ilmu dan hendak-lah di-teruskan usaha menuntut ilmu, lebeh2 lagi ilmu ugama.

Beliau telah menyeru kepada orang2 dewasa Islam di-negeri ini, yang belum lagi belajar di-Darjah2 Ugama Islam supaya menggunakan kesempatan belajar yang di-berikan oleh pehak Kerajaan.

Turut memberikan ucapan di-majlis pembukaan rasmi Darjah Dewasa Ugama tersebut ialah Pengelola dan Penyusun Sekolah2 Ugama Negeri Brunei, Tuan Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan; Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Inche Abdul Rahman bin Khatib Abdullah; Tuan Haji Marusin bin Abdullah, sa-laku wakil Jawatan Kuasa Darjah Dewasa Ugama Daerah Belait dan Awang Mukim bin Hassan, Setia Usaha darjah dewasa ugama tersebut yang juga telah menjadi pengerusi majlis itu.

Majlis tersebut di-mulai dengan bacaan ayat suchi Al-Koran oleh Inche Nordin bin Chuboi, Guru Koran Daerah Belait.

Kelepasan Sekolah2 Melayu

BANDAR BRUNEI. — Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan tutup mulai dari Hari Juma'at 23 Ogos, 1963 hingga ka-penghujung bulan ini, sa-bagai kelepasan penggal dua tahun ini.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 21 Ogos hingga Sabtu 31 Ogos, 1963 ada-lah saperti dibawah ini:—

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

H. Bulan	Amsak	Suboh	Dzohor	'Asar	Maghrib	Isha
21	4.41	4.56	12.27	3.48	6.35	7.48
22	4.41	4.56	12.27	3.48	6.35	7.48
23	4.41	4.56	12.27	3.48	6.35	7.48
24	4.41	4.56	12.27	3.48	6.35	7.48
25	4.41	4.56	12.27	3.48	6.34	7.47
26	4.40	4.55	12.26	3.47	6.33	7.46
27	4.40	4.55	12.26	3.47	6.33	7.46
28	4.40	4.55	12.26	3.47	6.33	7.46
29	4.40	4.55	12.25	3.46	6.32	7.45
30	4.40	4.55	12.25	3.46	6.32	7.45
31	4.40	4.55	12.25	3.46	6.32	7.45

D.Y.M.M. MENDAPAT PUTERI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah mendapat sa-orang Puteri baharu2 ini.

Satu pengumuman yang di-terbitkan dari Istana Darul Hana pada 8 Ogos, 1963 berkata bahawa Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri telah selamat bersalin sa-orang Puteri pada pukul 2.45 pagi hari Rabu 7 Ogos, 1963.

Meshuarat Agong P.G.P.S.T.

TUTONG. — Persatuan Gerakan Pakatan Pemuda Sukarela, Tutong akan mengadakan Meshuarat Agong persatuan itu bertempat di-bangunan atas Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Ahad 25 Ogos, 1963 mulai dari pukul 8.45 pagi.

Pegawai Daerah Tutong, Inche Abdul Ghani bin Hassan akan merasmikan pembukaan meshuarat agong persatuan tersebut.

Sokong Keputusan D.Y.M.M.

BANDAR BRUNEI. — Persatuan China Sa-Negeri Brunei telah memberi sokongan-nya terhadap keputusan yang di-ambil oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin berkenaan dengan masa'alah Malaysia.

Sokongan tersebut telah kandong dalam satu kenyataan bertulis yang telah di-terbitkan oleh Setia Usaha Agong Bahagian Melayu, Persatuan China Sa-Negeri Brunei, Inche Chua Kong Heng.

Kenyataan itu juga telah memuji atas sikap Baginda yang telah mengambil berat mengenai "untung nasib ra'ayat di-masa hadapan."

SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN

BANDAR BRUNEI. — Perarakan tanglong berjalan kaki bahagian orang2 dewasa, penuntut2 Maktab dan murid2 sekolah bagi menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan akan di-adakan di-Bandar Brunei pada malam 23 September akan datang.

Pasokan2 yang hendak mengambil bahagian dalam perarakan tersebut boleh-lah berhubung dengan Pengiran Damit bin Pengiran Sunggoh di-Pejabat Pertanian, Brunei atau pun Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh penutup bagi menerima borang2 memasoki perarakan tersebut ia-lah 10 September.

Perarakan kereta berhias siang dan malam dan perarakan basikal berhias akan di-adakan pada 23 September.

Borang2 memasoki perarakan tersebut boleh-lah di-pati dari Inche Ya'akub bin Ahmad di-Pejabat Tanah Brunei; Pengiran Abas bin Pengiran Haji Besar di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei atau pun dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh penutup bagi menerima borang2 permohonan mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ia-lah 31 Ogos. Peraduan

perarakan kenaikan laut akan di-adakan pada malam 24 September.

Borang2 memasoki perarakan tersebut boleh-lah di-perolehi dari Inche Hassan bin Haji Mohamed Yusof di-Pejabat Laut Brunei atau pun dari Pejabat Daerah Brunei dan Muara.

Tarikh penutup bagi menerima borang2 permohonan mengambil bahagian dalam perarakan tersebut ia-lah 1 September.

Sa-lain daripada peraduan2 tersebut peraduan2 pintu gerbang dan berchuchol juga akan di-adakan pada tahun ini sebagaimana yang telah di-adakan pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan pada tahun2 yang lalu.

Peraduan berchuchol di-antara rumah2, kedai2 dan sharikat perniagaan tidak-lah dikehendaki menghantarkan permohonan.

Kawasan2 yang termasuk dalam peraduan berchuchol itu ada-lah seperti di-bawah ini:

- (a) Kawasan Bandar Brunei termasuk Kampung Ayer.
- (b) Kawasan Jalan Tutong hingga ka-Kampung Sengkurong.
- (c) Kawasan Jalan Kumbang Pasang hingga ka-Jambatan Gadong.
- (d) Kawasan jalan ka-pasir hingga ka-Maktab Perguruan Melayu Brunei di-Berakas.
- (e) Kawasan Jalan Muara hingga ka-Kampung Sungai Hanching.

Tiap2 buah bangunan atau rumah yang menyalakan chuchol yang termasuk dalam lingkungan tersebut mulai dari 22 September hingga ka-25 September akan di-hakimkan.

Perarakan Tanglong Dan Kereta Berhias

KUALA BELAIT. — Jawatan Kuasa Sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan di-Daerah Belait menjemput pasokan2 sekolah untuk mengambil bahagian dalam perarakan tanglong dan kereta2 berhias.

Peraduan2 itu akan di-adakan di-Kuala Belait pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Maulana Al-Sultan oleh pendudok2 di-Daerah Belait dalam bulan September hadapan.

Hanya satu pasokan sahaja dari tiap2 buah sekolah di-benarkan



Gambar ini di-ambil sa-bagai kenangan pembukaan Darjah Dewasa Bahasa Melayu di-Kampung Lumut sedikit hari dahulu. Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail telah merasmikan pembukaan Darjah Dewasa itu. Berita-nya telah di-siarkan dalam PELITA BRUNEI pada 7 Ogos, 1963.

PEMBENAAN JALAN2 KECHIL DI-DAERAH TUTONG

TUTONG. — Tujuh batang jalan kecil yang jumlah panjang-nya lebeh daripada 30 batu telah siap di-bena di-Daerah Tutong di-bawah Rancangan Perkembangan Luar Bandar Tutong, kata Pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar.

Beliau menerangkan bahawa jalan2 kecil itu ia-lah dari Kampung Layong ka-Kampung Panchong, dari Kuala Abang ka-Kampung Layong, dari Kampung Layong menuju ka-Rambai dan jalan2 di-Kampung Danau, Telamba, Bungungus, Sungai Damit Pemandang dan Ukong.

Inche Ali berkata lagi bahawa hanya dua batang jalan yang jumlah panjang-nya 10 batu belum lagi di-bena di-Daerah Tutong.

Pembinaan jalan2 itu di-mulai dalam bulan Ogos ini.

Jalan2 itu ia-lah dari Kuala Abang ka-Kampung Pengkalan Raan menuju ka-Kampung Bukit.

Dengan pembinaan jalan2 kecil tersebut, kebanyakan kampung2 di-Daerah Tutong dapat di-datangi dengan menggunakan jalan raya.

Sa-belum rancangan perkembangan luar bandar di-lancarkan di-Daerah Tutong pada awal tahun ini, kebanyakan kampung2 di-Daerah Tutong hanya boleh

di-lawati dengan menggunakan sungai.

Menurut keterangan sa-orang juruchakap Pejabat Daerah Tutong, pihak yang berkenaan menguchapkan terima kasih kepada orang2 kampung yang memberi kerjasama masing2 bagi menayakan pembinaan jalan2 tersebut, yang boleh-lah di-katakan jalan2 kecil yang panjang sakali dalam Negeri Brunei.

Ahli Tidak

Rasmi Majlis

Meshuarat Negeri

BANDAR BRUNEI. — Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh, tinggal di-Kampung Bunut, Batu 6, Jalan Tutong, Brunei telah di-lantik menjadi salah sa-orang daripada Ahli2 Tidak Rasmi, Majlis Meshuarat Negeri Brunei baharu2 ini.

Akhbar ini telah menyiarkan dalam keluaran yang lalu nama2 Ahli2 Majlis Meshuarat Negeri Brunei yang baharu, mengandongi Ahli2 atas nama jawatan, Ahli2 rasmi dan juga Ahli2 tidak rasmi. Dalam siaran itu terdapat kesilapan mengenai nama sa-orang Ahli tidak rasmi, ia-itu Yang Berhormat Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohamed Salleh. Harap beliau ma'af.

PERTANDINGAN MENYANYI LAGU2 CHINA

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Akhir Menyanyi Lagu2 China akan di-adakan di-Padang Besar Bandar Brunei pada masa sambutan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan pada bulan September hadapan.

Meshuarat Agong Persatuan Tinju

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei akan mengadakan temasha lumba berjalan kaki jarak jauh pada tahun ini seperti mana yang telah di-adakan pada tahun2 yang lalu.

Perkara tersebut akan di-binchangkan dalam Meshuarat Agong Tahunan persatuan tersebut di-rumah Inche P.A. Coates di-Jalan Melabau pada petang hari ini.

SEMINAR PERTANIAN ANTARA BANGSA

Menarek Perhatian Pegawai Pertanian Negara

BANDAR BRUNEI. — Seminar Pertanian Antara Bangsa yang telah di-adakan di-Negeri Belanda (Holland) baharu2 ini sangat-lah menarek perhatian Pegawai2 Pertanian yang menghadiri seminar itu, kerana seminar itu telah menunjukan bagaimana Pejabat Pertanian dapat meninggikan sara hidup petani2 di-kawasan2 luar bandar. Demikian kata Pegawai Pertanian Negara, Brunei Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit.

Inche Hamidoon telah balek ka-Brunei pada 6 Ogos, 1963 setelah menghadiri seminar Pertanian Antara Bangsa di-Wageningen, Holland mulai dari 8 Julai hingga ka 3 Ogos.

Kursus pertanian itu telah di-adakan di-bawah naungan Pertubuhan Makanan dan Pertanian Pertubuhan Bangsa2 Bersatu. Saramai 150 orang wakil2 dari 50 buah negeri, termasuk Brunei telah menghadiri kursus tersebut.

Inche Hamidoon berkata bahawa sa-masa menghadiri seminar pertanian itu, beliau telah melawat ka-beberapa pusat pertanian di-mana beliau telah berpeluang menyaksikan petani2 yang sudah maju, ia-itu daripada hasil ladang2 mereka.

Beliau menegaskan bahawa chara2 pertanian di-Eropah sangat-lah berlainan dengan keadaan pertanian di-Negeri Brunei. Perkara ini ada-lah di-sebabkan berbagai2 perkara di-antara-nya ia-lah seperti hujan, hawa dan bumi.

Bagaimana pun beliau akan menchuba dengan sabarapa boleh melaksanakan perusahaan pertanian yang sesuai dengan keadaan negeri ini dengan mengikut panduan yang beliau telah memperolehi sa-masa menghadiri seminar pertanian di-Negeri Holland baharu2 ini, kata-nya.

Dalam wawanchara tersebut, Inche Hamidoon menambah kata bahawa perusahaan pertanian di-Eropah di-jalankan dengan menggunakan jentera, seperti menanam biji2 benih dengan jentera.

Sa-balek-nya di-Brunei, kata Inche Hamidoon, jentera2 tidak-lah boleh di-gunakan bagi menanam benih dan sa-bagai-nya kerana keadaan tanah di-negeri ini ada-lah jauh perbezaan-nya dengan keadaan tanah di-Eropah.

Sa-lain dari perkara2 tersebut, Inche Hamidoon berkata bahawa pada masa sekarang Pejabat Pertanian sedang melateh orang2 kampung dalam ilmu pertanian sa-lama dua bulan di-pusat Pertanian di-Kilanas.

Kursus yang di-adakan sekarang ini akan tamat pada penghujung bulan ini dan sa-lepas itu akan di-adakan kursus yang baharu pula.

Seramai delapan orang penduduk2 kampung dari Daerah2 Brunei/Muara, Tutong, Belait dan Temburong, ia-itu dua orang dari tiap2 buah daerah itu menghadiri kursus tersebut.

Pada masa menghadiri kursus pertanian itu sharahan2 mengenai ilmu pertanian di-berikan ka-pada penuntut2 tersebut oleh Pegawai2 Pertanian.

Inche Hamidoon berharap bahawa dengan jalan seperti tersebut, maka dapat-lah penuntut2 itu kelak maju di-lapangan pertanian jika sa-kira-nya mereka berusaha dan menurut segala



Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit (kiri) kelihatan dalam gambar ini pada masa beliau sedang menghadiri Seminar Pertanian Antara Bangsa di-Holland baharu2 ini. Duduk di-sa-belah Yang Berhormat Inche Hamidoon ia-lah Inche Psaladin wakil dari Negeri Cyprus.

ajaran yang di-beri kepada mereka oleh Pegawai2 Pertanian yang bertugas.

Inche Hamidoon suka menarek perhatian para penuntut yang menghadiri kursus Pertanian dan juga kepada petani2 dalam Negeri Brunei terhadap ucapan oleh Timbalan Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim pada masa beliau memberi ucapan di-majlis menyampaikan sijil2 kepada penuntut2 yang telah lulus dalam latihan pertanian yang telah di-adakan di-Pusat Panchubaaan Tanam2an di-Kilanas pada 27 Jun, 1963.


Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Mohamad Yusuf telah meminta kepada penuntut2 yang menghadiri kursus Pertanian itu supaya mereka menyedari peranan pertanian dalam sa-sabuaah negeri dan mengamalkan serta menyebarkan pengetahuan mereka di-daerah masing2.

Inche Hamidoon berharap ka-pada penuntut2 yang sedang menghadiri kursus pertanian di-Pusat Pertanian di-Kilanas supaya mereka mengajar ka-pada penduduk2 kampung mereka berkenaan dengan ilmu tanam2an yang mereka memperolehi sa-lepas mereka tamat menghadiri kursus pertanian tersebut.

Berkenaan dengan ranchangan Jabatan Pertanian Negeri Brunei hendak menubuhkan Persatuan Peladang2 Negeri Brunei, Inche Hamidoon menerangkan bahawa Dasar2 persatuan itu sedang susun dan akan di-hantar ka-Pendaftar Pertubuhan2 Negeri Brunei untuk di-daftarkan.

Inche Hamidoon menambah kata bahawa elok-lah di-adakan sa-buah Sharikat Kerjasama Pertanian di-Negeri Brunei yang di-modali oleh orang ramai supaya kerja2 yang berat itu menjadi ringan.

Berhubung dengan perkara tersebut beliau berkata bahawa Kerajaan Brunei akan memberi bantuan yang mana di-fikirkan mustahak, ka-pada Sharikat Kerjasama Pertanian itu bagi memajukan-nya.



Tiga orang dalam gambar ini kelihatan sedang menanam biji2 benih dengan menggunakan jentera di-sabuaah ladang di-England. Gambar dengan ehsan Pusat Pejabat Penerangan, London.

SEJARAH TRENGKAS (Sambongan)

— OLEH ABU NA'IM MOHD. SAID —

System Nova Notaria ini telah dapat di-gunakan lebih dari 300 tahun lama-nya.

Sungguh pun system ini merupakan system baru dengan perubahan2 yang istimewa, tetapi ini hanya-lah dapat di-akui oleh penchipta-nya sendiri, di-sebabkan ahli2 sejarah tidak berpendapat yang system ini di-akui sebagai system chara baru kerana beberapa soal, terutama se-kali dalam soal garisan2-nya yang banyak meny-

mai bentuk dan bangunan garisan2 Trengkas yang di-gunakan di-zaman pemerintahan Rome.

Akhir-nya ahli2 sejarah telah dapat menyelidiki bahawa Trengkas yang di-katakan chara lama itu, telah mengambil masa dari sejak 63 B.C. hingga ka-abad yang ka-15.

Di-antara tahun masehi 1522-1571, John Jowel dari wilayah Salisbury telah dapat menchipta-

sa-buah Trengkas yang bercham-por tulisan biasa.

System ini telah dapat di-terbitkan dan di-chitak oleh Lawrence Hamphrey dalam tahun Masehi 1573.

Ahli2 sejarah telah tidak dapat menentukan sama ada Trengkas itu di-akui sa-bagai Trengkas chara lama atau chara baru kerana system ini merupakan Trengkas chara pertengahan, ia itu

tidak merupakan chara lama atau chara baru.

Pada tahun Masehi 1688, baru-lah Trengkas chara modern atau chara baru, dapat di-terbitkan.

Trengkas chara baru ini telah di-gelar oleh penchipta-nya "Characterie", perkataan Latin yang bermaana, Seni Menulis Trengkas, Chepat dan Tulisan Rahsia, atau dalam bahasa Inggeris-nya, "The Art of Short Swift and Secret Writing."

(BERSAMBONG)

PERADUAN MENGARANG LAKUNAN SANDIWARA RADIO

PENGARAH Siaran Radio dan Penerangan, Brunei telah membentok sa-buah Jawatan Kuasa Khas untuk menganjurkan Peraduan Mengarang Lakunan Sandiwaras Radio. Tiap2 cherita mesti-lah bertajok "AKU RA'AYAT BRUNEI", ia-itu cherita yang berthemakan ta'at setia kepada Negara, Kerajaan dan kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, baik yang merupakan keluarga, masharakat atau kumpolan.

PEMUDA IBAN MEMELOK UGAMA ISLAM



AHMAD BUJANG BIN ABDULLAH

BERAKAS. — Satu upacara mengislamkan sa-orang pemuda ngsa Iban telah di-adakan di-nah Chegu Shahbudin bin Saleh di-Berakas pada malam 6 Ogos yang lalu.

Pemuda itu bernama Bujang anak Liem. Nama-nya yang baharu ia-lah Ahmad Bujang bin Abdullah.

Ia di-lahirkan di-Kampung Bunutan, Tutong pada 4 Jun, 1944 dan telah memelok ugama Islam dengan kemahuan diri-nya sendiri.

Upacara mengislamkan pemuda Iban tersebut telah di-jalankan oleh Khatib Haji Mohsin dan di-saksikan oleh ramai para hadirin.

Pembukaan Darjah Dewasa Ugama

SENGKARAI. — Pegawai Daerah Tutong, Inche Ali bin Awang Besar telah merasmikan pembukaan Darjah Dewasa Ugama Kampung Sengkari, Tutong di-Surau kampung itu baharu2 ini.

Uchapan2 telah di-lafadzkan di-majlis itu oleh Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Tutong, Inche Mahalee bin Haji Abdullah dan oleh Penaong Darjah Dewasa Ugama Kampung Sengkari, Inche Salleh Hidup.

Tiap2 cherita mesti-lah memakan masa sa-lama 45 minit dan mengandongi lebeh kurang 5,000 perkataan. Cherita2 itu mesti-lah di-taip dalam jarak dua dan memakai huruf rumi sa-kurang2-nya delapan belas muka.

Peraduan mengarang tersebut ada-lah terbuka kepada semua orang yang tinggal di-Negeri Brunei, sama ada kaki tangan Kerajaan termasuk kaki tangan Jabatan Siaran Radio dan Penerangan atau pun seluroh lapisan masharakat lelaki dan perempuan yang menjadi ra'ayat di-negeri ini.

NAMA SAMARAN

Tiap2 pengarang mesti-lah menggunakan nama samaran masing2. Di-samping itu, ia mesti-lah menulis nama-nya yang sa-benar dan alamat-nya yang terang di-kertas yang lain.

Pengarah Siaran Radio dan

Penerangan Brunei akan menerima sa-berapa banyak pun cherita2 yang di-kirimkan untuk diperadukan.

Hanya enam buah cherita sahaja yang akan di-ambil untuk siaran di-Radio sa-telah di-tapis oleh sa-buah badan khas yang dibentok oleh Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei.

CHERITA YANG TERPILEH

Enam buah cherita yang terpilih itu nanti akan di-hakimkan melalui udara dan akan di-siarkan sa-chara bergilir.

Chara2 menghakimkan cherita2 itu ada-lah seperti berikut:

(a) Tiap2 Lakunan Sandiwaras akan di-siarkan terlebih dahulu oleh Radio Brunei di-mana para hakim hanya mendengar dari peti radio masing2.

(b) Para hakim ada-lah di-rahsiakan terlebih dahulu. Nama2 mereka hanya akan di-momokkan bersama2 dengan pemenang2 peraduan ini sa-telah se'esai pertandingan itu.

Cherita yang terpilih untuk di-lakunkan akan di-lakunkan oleh kaki tangan RADIO BRUNEI dan jika perlu hanya PENGARANG cherita yang terpilih itu sahaja akan di-undang untuk mengambil bahagian.

Tiap2 Pengarang mesti-lah menentukan watak2 pelakon-nya, seperti peranan yang penting dan peranan yang berwatak jahat mesti-lah di-terangkan oleh Pengarang itu untuk menentukan siapa-kah kaki tangan Radio Brunei yang harus memegang peranan2 itu.

HADIAH-HADIAH

Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei akan memberi hadiah2 dari enam buah cherita yang terpilih untuk diperadukan seperti di-bawah ini:

Hadiah pertama — \$150. Hadiah kedua — \$75 dan hadiah ketiga — \$50 serta tiga hadiah sugu hati.

Cherita2 yang tidak terpilih untuk di-peradukan, jika di-fikirkan sesuai untuk di-lakunkan dalam Sandiwaras Radio, maka Penerbit Sandiwaras Radio, Radio Brunei akan membeli-nya dengan bayaran sa-banyak \$30 dan yang lain-nya akan di-kembalikan kepada pengarang-nya.

Cherita2 yang telah mendapat hadiah atau yang telah di-beli akan MENJADI HAK Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei dan tidak akan di-kembalikan.

Tiap2 cherita untuk pertandingan Sandiwaras Radio mesti-lah di-alamatkan kepada Pengarah Siaran Radio dan Penerangan Brunei, Bandar Brunei dan mesti-lah sampai ka-tangan beliau tidak lewat dari hari Isnin 2 September, 1963 jam 4 petang. Jika terlawat dari tarikh dan masa yang di-tetapkan itu, segala karnangan tidak akan di-layan.


Pertunjukan Pertanian Tahun Ini Di-Batalkan

BANDAR BRUNEI. — Pertunjukan Pertanian Negeri Brunei pada tahun ini tidak akan di-adakan. Demikian menurut keterangan Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit.

Beliau menjelaskan bahawa perkara tersebut ia-lah kerana tempat yang sesuai bagi mengadakan Pertunjukan Pertanian itu tidak dapat di-perolehi pada tahun ini.

Pegawai Pertanian Negara Brunei juga menerangkan bahawa pada tahun ini Negeri Brunei tidak mengambil bahagian di-Pertunjukan Pertanian di-Malaya sa-bagaimana yang negeri ini telah menghantarkan barang2 perusahaan dari negeri ini, seperti barang2 perak, kain tenunan tempatan dan lain2-nya untuk di-pamerkan di-temasha Pertunjukan Pertanian Malaya.

Belia2 Malaya Melawat Brunei



Dua puluh orang Wakil2 Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya telah melawat ka-Brunei pada hari Khamis yang lalu sa-telah melawat ka-Sabah dan akan berangkat ka-Kuching pada petang hari ini. Dalam masa lawatan tersebut belia2 itu telah di-ra'ikan di-beberapa majlis jamuan oleh Persatuan2 Belia di-Negeri Brunei dan juga di-lain2 tempat. Gambar atas Wakil2 Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya itu bergambar ramai dengan Pegawai2 dan ahli2 Persatuan Pakatan Putera Kampung Ayer pada hari Juma'at yang lalu. Gambar bawah — Para pelawat tersebut bergambar ramai dengan para hadirin di-majlis jamuan makan yang telah di-adakan di-rumah Tuan Syed Jalaludin di-Tongkadeh pada hari Sabtu yang lalu.

KERJA-KERJA KOSONG

Permohonan2 daripada ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei laian yang berhak di-daftarkan untuk menjadi ra'ayat Sultan, ada-lah di-jemput bagi jawatan2 kosong yang tersebut di-bawah ini dalam Jabatan Bandarah, Brunei:

(a) Merinyu Pasar ("Marketing Inspector") — satu jawatan kosong.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Inggeris dan Darjah V Melayu dan mempunyai pengalaman sakurang2-nya 3 tahun dalam pekerjaan perbandaran.

Kewajipan2: Bertanggungjawab atas mengawal seluruh kawasan pasar termasuklah mengelola, mengatorkan dan menjaga buruh dan sebagainya. Juga bertanggungjawab atas menjaga kebersihan semua Pasar2 Bandaran.

(b) Merinyu Bandaran ("Municipal Inspector") — satu jawatan kosong.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Inggeris dan Darjah V Melayu dan mempunyai pengalaman sakurang2-nya 3 tahun dalam pekerjaan perbandaran.

Kewajipan2: Bertanggungjawab atas mengawal kebersihan seluruh kawasan Bandaran, menjaga satu pasokan buruh yang besar, kenderaan Bandaran, dan sebagainya.

(c) Pemereksa Bangunan ("Building Inspector") — satu jawatan kosong.

PEMANDU MOTOR SANGKUT

Pemohon2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi 8 jawatan kosong sebagai Pemandu Motor Sangkut dalam Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

(b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu motor sangkut sekurang2-nya selama 3 tahun.

(c) Berkebolehan membaiki kerosakan jentera yang kecil.

Tugas: Chalon2 yang terpilih akan di-tempatkan di-merata2 daerah dalam Negeri Brunei dan mesti-lah bersedia bekerja di-waktu siang atau pun malam.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.2-3-4-5-6 \$152 x 3-158-160-180x4-200.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 14 September, 1963.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Form III Inggeris dan Darjah V Melayu serta mempunyai pengalaman sakurang2-nya 3 tahun dalam pekerjaan urusan bangunan seperti memereksa, mengawal dan sebagai-nya.

Kewajipan2: Bertanggungjawab atas semua urusan mengenai bangunan2 di-seluruh kawasan Bandaran seperti memereksa, menyasiat serta memberi laporan, dan sebagai-nya.

Tingkatan gaji untuk (a), (b) dan (c).

Dalam sukatan gaji D(a) 1-2-3-4-5 D(a) 1-2-3-4-5 D(b) 2-3-4-5 \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-370-380-400 x 20-560.

(d) **Pengawas Tingkat II** ("Overseer Grade II") — satu jawatan kosong.

Kelayakan2: Berkelulusan sakurang2-nya Darjah V Mela-

yu dan telah berkhidmat kepada Kerajaan tidak kurang dari 5 tahun serta berpengalaman dalam pekerjaan perbandaran terutama sekali dalam jurusan ini.

Kewajipan2: Mengawal buruh2 kedatangan dan menyedikan gaji, melawat, memerhati dan menjaga kawasan Bandaran. Juga bertanggungjawab bagi mengawal kereta2 dan pemandu2 Bandaran termasuk mengeluarkan minyak petrol.

Gaji: Dalam sukatan gaji D(a)1 D(b)5 \$290-310-330-350-370-380.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1963.

Permohonan2 dari Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua Pejabat masing2.

Penolong2 Jururawat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk menjadi Penolong Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah belum berkahwin dan umur antara 16 dan 25 tahun serta sehat. Pemohon2 yang telah lulus Darjah VI di-Sekolah Melayu atau mereka yang lulus Form I di-Sekolah Inggeris akan di-pertimbangkan. Hanya chalon2 yang bersedia berkhidmat di-Pusat2 Kesehatan sahaja dikehendaki memohon jawatan ini.

Tingkatan2 gaji ada-lah seperti berikut:

Penolong Jururawat Perchubaaan — \$183x7-204.

Penolong Jururawat Terlatah — \$211-220x10-260-280-290-300.

Penolong Jururawat Kanan — \$290x20-370-380.

Pakaian sama akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa menjalani latehan. Tambahan dari itu alaan chatuan sabanyak \$35.00 akan di-bayar semasa dalam perchubaaan.

Penolong Jururawat Perchubaaan yang berkahwin semasa dalam perchubaaan akan di-minta meletakkan jawatan dengan serta merta.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1963.

PEMANDU2 KERETA

Permohonan2 ada-lah di-jemput untuk memenohi 10 jawatan kosong sebagai Pemandu Land Rover di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei:

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Pemohon2 mesti-lah mempunyai lesen memandu kereta.

(b) Pemohon2 mesti-lah ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.

(c) Chalon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun dan tidak lebih dari 50 tahun.

(d) Pemohon2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman memandu kereta serta tidak pernah di-hukum kerana kesalahan memandu dengan, chuai.

Tugas:

(a) Chalon2 yang di-pilih mesti-lah boleh memandu Land Rover bagi Rancangan Menchegah Malaria.

(b) Pemohon2 mesti-lah bersedia menjalankan tugas di-siang atau malam hari di-dalam mana2 daerah di-Negeri Brunei.

(c) Berkebolehan membaiki kerosakan2 yang kecil.

Gaji: Dalam sukatan gaji F.5-6 atau F.6-7 \$180x4-200 atau \$184x4-212.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 14 Sept., 1963.

Penolong Pegawai

Perpustakaan

Permohonan2 ada-lah di-jemput bagi jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat2 Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei dan mesti mempunyai pengetahuan bahasa Inggeris sekurang2-nya lulus Form III dan pandai berbahasa Melayu termasuk tulisan Jawi.

Gaji: Dalam tingkatan D(b) 2-3-4-5 \$211-220x10-260-280-290x20-330. Gaji permulaan akan di-tentukan mengikut kelayakan2 dan pengalaman pemohon.

Tugas: Chalon yang beritu akan bertanggungjawab rana kelichinan susunan dan perjalanan Pustaka Maktab dan membuat lain2 kerja yang berkaitan dengan buku2 sabagaimana yang di-arahkan oleh Guru Besar.

Permohonan2 ini mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 September, 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

"TRACER" PEREMPUAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 perempuan yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk menjadi "Tracer" di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2:

(a) Pemohon2 mesti-lah berkelulusan Darjah IV Sekolah Melayu dan Form II Inggeris.

(b) Pemohon2 mesti-lah berumur sekurang2-nya 18 tahun tetapi tidak lebih daripada 35 tahun.

(c) Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang caktek dan baik.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$183 x 7-211-220 x 10-260-280-290-300.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 Sept., 1963.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka.

Pertandingan Sepak Raga Jaring Sekolah2 Maktab S.O.A.S. Berjaya

BANDAR BRUNEI. — Pasokan2 Sepak Raga Jaring Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei telah berjaya mengondol gelaran2 kejohanan Pasokan2 "A" dan "B" di-temasha pertandingan Akhir Sepak Raga Jaring Antara Sekolah2 Melayu, Inggeris dan China bagi seluruh Negeri Brunei pada tahun ini.

Pertandingan sepak raga jaring tersebut telah di-langsungkan di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 9 Ogos, 1963 dan di-saksikan oleh ramai penggemar permainan sepak raga jaring.

Dalam pertandingan akhir Pasokan "A", Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin johan Kumpulan Brunei Satu telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, johan Kumpulan Tutong dengan 15-7 dan 15-2 mata.

Dalam pertandingan akhir Pasokan "B" pula, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin johan Kumpulan Brunei Satu telah mengalahkan Sekolah Melayu Sungai Hanching, johan Kumpulan Brunei Dua dengan 15-7 dan 18-13 mata.

Sekolah2 yang telah menjadi johan Kumpulan "A" bagi tiap2 kumpulan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan sepak raga jaring tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Kumpulan Brunei Satu—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Kumpulan Brunei Dua — Sekolah Melayu Pengkalan Batu.

Kumpulan Belait — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Kumpulan Tutong — Sekolah Melayu Muda Hashim.

Kumpulan Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Sekolah2 yang telah menjadi johan Kumpulan "B" bagi tiap2 kumpulan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir sepak raga jaring tersebut ada-lah seperti di-bawah ini:

Kumpulan Brunei Satu—Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin.

Kumpulan Brunei Dua — Sekolah Melayu Sungai Hanching.

Kumpulan Belait — Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Kumpulan Tutong — Sekolah Melayu Kiudang.

Kumpulan Temburong — Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar.

Keputusan Pertandingan Sepak



Alangkah gembira penuntut2 Maktab S.O.A.S. ini. Mereka telah menjadi johan dalam Pertandingan Sepak Raga Jaring Pasokan2 "A" dan "B" antara sekolah2. Berdiri di-tengah berbaris puteri ia-lah Guru mereka Chegu Razak Bongsu.

Raga Jaring tersebut peringkat suku akhir, sa-paroh akhir dan akhir antara pasokan2 Kumpulan "A" ada-lah seperti di-bawah ini:

Peringkat Suku Akhir: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan dengan 15-7 dan 15-4 mata.

Peringkat Sa-paroh Akhir: (a) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Pengkalan Batu dengan 15-6 dan 15-12 mata.

(b) Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dengan 4-15, 15-9 dan 15-7 mata.

Peringkat Akhir: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong dengan 15-7 dan 15-2 mata.

Keputusan Pertandingan Sepak Raga Jaring tersebut peringkat suku akhir, sa-paroh akhir dan akhir antara pasokan2 Kumpulan "B" ada-lah seperti di-bawah ini:

Peringkat Suku Akhir: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Kiudang Tutong dengan 15-0 dan 15-1 mata.

Peringkat Sa-paroh Akhir: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait

15-10 dan 15-12 mata. (b) Sekolah Melayu Sungai Hanching mengalahkan Sekolah Melayu Sultan Hassan, Bangar dengan 15-7 dan 15-3 mata.

Peringkat Akhir: Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah mengalahkan Sekolah Melayu Sungai Hanching dengan 15-7 dan 18-13 mata.

Peserta2 yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan2 sepak raga jaring tersebut peringkat akhir ada-lah seperti di-bawah ini:

Kumpulan "A": Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin Bandar Brunei — Zainal Husain, Abdul Rahman dan Awangku Kemaludin. Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong — Musa Mohammad Said, Rosli Ja'afar dan Sim Ah Soon ia-itu sa-orang penuntut bangsa Tiong Hua yang belajar di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong.

Kumpulan "B": Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei — Zainal Abidin, Husain Metasan dan Ghani Laman. Sekolah Melayu Sungai Hanching — Awangku Ramli bin Pengiran Ahmad, Awangku Ayub bin Pengiran Ahmad dan Kamis bin Haji Abdul Rahman.

Sa-baik sahaja selesai pertandingan tersebut Pengerusi pertandingan itu Inche Abdi Manaf bin P.H.A. Bakar telah mengucapkan tahniah kepada pasokan2 yang telah berjaya bagi merebutkan gelaran2 johan dan naib johan dalam pertandingan2 tersebut serta juga kepada semua pasokan yang telah mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Dalam ucapan-nya Inche Abdi Manaf telah mengucapkan berbilang2 terima kaseh kepada Jabatan2 Kerajaan; Setia Usaha2 dan Ahli2 Jawatan Kuasa pertandingan tersebut dan juga kepada semua orang yang telah bekerjasama bagi menjayakan pertandingan itu.

Kemudian Pengetua Maktab Perguruan Melayu Brunei, Inche Othman bin Bidin telah menyampaikan Piala Perak Rebutan Tahunan yang di-hadiahkan oleh penuntut2 tahun 1961 Maktab Perguruan Melayu Brunei kepada pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin yang telah menjadi johan Kumpulan "A" dalam pertandingan sepak raga jaring itu.

Inche Othman juga telah menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 pasokan2 yang telah berjaya dalam pertandingan sepak raga jaring tersebut.

"Yang paling mustahak dalam pertandingan sukan bukan-nya hendak menang akan tetapi ia-lah mengambil bahagian."

Sukan Tahunan Maktab Perguruan Dapat Sambutan

BERAKAS. — Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan temasha sukan-nya kali yang ke-lima bertempat di-padang maktab itu di-Berakas pada petang hari Ahad 18 Ogos, 1963 dengan memperolehi kejayaan dan sambutan yang baik.

Di-antara ramai para penonton di-temasha sukan itu ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman serta isteri beliau Yang Mulia Raja Fatimah binti Raja Zainal Azman Shah; Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Malcolm MacInnes; Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Inche Noordin bin Abdul Latif; Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Inche Mohamed Husain bin Mohamed Yusof dan lain-lain.

Rumah Bendahara Sakam telah menjadi johan dalam pertandingan sukan tersebut dengan memperolehi sa-jumlah 870 mata, manakala Rumah Nakhoda Ragam dengan mendapat sa-banyak 815 mata telah menjadi naib johan, di-turuti oleh Rumah Nakhoda Manis — 811 mata dan Rumah Awang Semaun 675 mata.

BINTANG2 SUKAN

Suhaili Lani dari Rumah Nakhoda Ragam telah di-beri gelaran "Bintang Sukan Maktab Perguruan Melayu Brunei Tahun 1963," Bahagian Lelaki.

Dua orang peserta wanita telah berhasil menyandang gelaran "B.S.M.P.M.B. 1963" Bahagian Wanita. Penuntut2 itu-lah Puan Juana Lahab dari Rumah Awang Semaun dan Puan Rokiah Hussin dari Rumah Bendahara Sakam.

Yang Mulia Raja Fatimah binti Raja Zainal Azman Shah telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 dan peserta2 yang berjaya di-temasha sukan tersebut serta juga hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam permainan2 bola sepak, ping pong, bola volley, hockey, badminton, sepak raga dan lari merentas desa di-antara "Rumah2" Maktab Perguruan Melayu Brunei.

KERJA KOSONG:

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sabagai ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk lantikan sabagai Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan di-Pejabat Perubatan, Brunei.

Kelayakan2: Pemohon2 mestilah berumur antara 18 dan 25 tahun serta sehat. Pemohon2 mestilah sekurang2-nya berkelu-

lusian Form III di-Sekolah Inggeris.

Tingkatan2 gaji ada-lah seperti berikut:—

Pembantu Rumah Sakit Perchubaaan — \$211-220x10-260-280

Pembantu Rumah Sakit Terlatih — \$350-370-380-400x20-440/BAR/460x20-600.

Pembantu Rumah Sakit Kanan — \$570x30-840.

Pakaian sama akan di-beri perchuma serta tempat tinggal

akan di-sediakan semasa dalam perchubaaan.

Chalon2 yang di-pilih akan menjalani latehan selama tiga tahun empat bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mestilah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 31 Ogos, 1963.

Pembantu2 Rumah Sakit

PERKHEMAHAN PENGAKAP DAERAH BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei akan di-adakan di-Gadong sa-lama tiga hari mulai dari hari Juma'at 23 Ogos hingga ka-hari Ahad 25 Ogos, 1963.



Pengawas Kuboran Negeri Brunei, Awang Salim bin Dato Imam Haji Mokti (kanan) kelihatan dalam gambar ini bergambar di-Mesjid Jamek, Klang, Selangor pada masa ia melawat ka-Makam Diraja Selangor berhampiran dengan Mesjid Jamek itu pada 30 Julai. Berdiri di-sabalah Awang Salim ialah Raja Ahmad, Pengawas Mesjid Jamek, Klang.

PENGAWAS KUBORAN BALEK DARI LATEHAN

BANDAR BRUNEI. — Pengawas Kuboran Negeri Brunei, Awang Salim bin Dato Imam Haji Mokti telah kembali ka-Brunei dari Malaya pada 4 Ogos yang lalu.

Awang Salim telah berangkat ka-Malaya pada 6 Julai, 1963 untuk menyaksikan dan mempejalari keberhasilan tanah2 perkuboran di-bawah anjoran Jabatan Hal Ehwal Ugama Negeri Brunei.

Ia telah melawat ka-beberapa tanah perkuboran di-Johore Baharu, Muar, Batu Pahat dan lain2 tanah perkuboran di-Negeri Johore serta juga tanah2 perkuboran di-Negeri Selangor.

Rombongan Pengakap2 dari Negeri Brunei yang telah menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia di-Greece baharu2 ini akan menghadhiri perkhemahan tersebut.

Menurut ranchangan yang telah di-tetapkan, satu temasha "Camp Fire" akan di-adakan di-perkhemahan tersebut pada malam 24 Ogos.

Pesuroh Jaya Pengakap Sa-Negeri Brunei, Inche P.A. Coates akan membuka dengan rasmi temasha "Camp Fire" itu pada pukul 7.30 malam tersebut.

Wakil2 dari Pasokan2 Pengakap Daerah Belait, Miri, Limbang dan Labuan telah di-jemput oleh Pasokan Pengakap Daerah Brunei untuk menghadhiri perkhemahan tersebut.

Mereka juga akan mengambil bahagian di-temasha "Camp Fire" tersebut sa-lain daripada sumbangan oleh Wakil2 Pengakap Negeri Brunei yang menghadhiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia baharu2 ini.

Perkhemahan Pengakap Daerah Brunei itu akan di-akhiri dengan mengadakan upacara menyampaikan hadiah pada pukul 2 petang hari Ahad 25 Ogos kepada pengakap2 yang berjaya dalam berbagai2 peraduan yang akan di-adakan di-perkhemahan pengakap tersebut.

Y.B. Inche Hamidoon Dapat Sijil Penghargaan

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Pertanian Negara Brunei, Yang Berhormat Inche Hamidoon bin Awang Damit telah mendapat satu Sijil Penghargaan terhadap perkhidmatan-nya dalam lapangan pertanian sa-lama 31 tahun.

Sijil itu telah di-hadiahkan kepada beliau oleh Pusat Pertanian Antara Bangsa dan telah di-sampaikan kepada beliau oleh Pengarah Pusat Pertanian Antara Bangsa, Inche H.A. Haak pada masa beliau menghadhiri Seminar Pertanian Antara Bangsa di-Negeri Holland baharu2 ini.

SHARAHAN UGAMA

BANDAR BRUNEI. — Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah membuat ketetapan untuk melawat ka-Kampung Puni, Temburong pada petang hari Juma'at 30 Ogos, 1963 kerana memberi sharahan mengenai ugama Islam.

Oleh kerana sesuatu sebab yang tidak dapat di-elakkan, maka Badan Penerangan Ugama Islam Negeri Brunei telah membatalkan lawatan-nya ka-kampung tersebut pada tarikh yang terma'lom.

SERUAN P.J.B. KAPADA ORANG2 TAHANAN

BUNUT, — Pesuroh Jaya Buruh Negeri Brunei, Yang Berhormat Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar anak Hashim telah menyeru kepada 35 orang bekas orang2 tahanan yang menghadhiri kursus pemulehan sa-mula di-Bunut supaya mereka sedar atas kewajipan Kerajaan yang sentiasa menumpukan perkhidmatan-nya semata2 untuk memperbaiki dan meninggikan taraf penghidupan ra'ayat dalam segala lapangan di-Negeri Brunei.

Beliau telah melafadzkan ucapan tersebut di-Pusat Pemulehan Sa-mula Orang2 Tahanan di-Bunut pada 5 Ogos, ia-itu sehari sa-belum bekas orang2 tahanan itu dari kumpulan ka-11 di-bebaskan.

Yang Berhormat Pengiran Bahar telah menyeru supaya bekas orang2 tahanan itu menumpukan ta'at setia mereka yang tidak berbelah bagi kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda sa-baik sahaja mereka kembali hidup saperti sediakala.

Dengan jumlah seramai 35 orang tahanan yang telah di-bebaskan itu, maka jumlah orang2 tahanan yang telah di-pindahkan dari Pusat Pertahanan di-Berakas ka-Pusat Pemulehan Sa-mula Orang2 Tahanan di-Bunut kerana menjalani kursus pemulehan sa-mula itu ia-lah sa-banyak 679 orang.

BELIA2 MALAYA MELAWAT BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Dua puluh orang wakil2 dari Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya (MAYC) telah melawat ka-Negeri Brunei pada hari Khamis 15 Ogos untuk menghubungkan perpaduan muhibbah di-antara belia2 di-Malaya dengan belia2 di-Brunei ini.

Rombongan belia2 itu diketuai oleh Inche Chong Thin Huatt, sa-orang Ahli Jawatan Kuasa Tadbir, Persatuan Kelab2

Belia Sa-Malaya. Beliau di-bantu oleh Inche Abdul Jalil bin Dato Abdullah, Setia Usaha Rombongan belia2 tersebut.

Para pelawat tersebut telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Sabah pada petang hari tersebut dan di-jadualkan berlepas ka-Kuching dengan kapal terbang pada petang hari ini.

Dalam masa lawatan ka-Negeri Brunei, belia2 itu telah meng-

hadhiri satu Majlis Temu Ramah di-rumah Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan Brunei serta di-ra'ikan di-beberapa majlis jamuan oleh persatuan2 belia dalam Negeri Brunei.

Mereka juga telah melawat ka-Masjid Omar Ali Saifuddin, Kampung Ayer, Khemah Askar Melayu Brunei yang sedang dibena di-pantai Berakas, Padang Minyak Seria, kawasan Kuala Belait dan ka-lain2 tempat.



Wakil2 Persatuan Kelab2 Belia Sa-Malaya telah di-ra'ikan di-satu majlis temu ramah dan jamuan di-rumah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Raja Azam bin Raja Kamarulzaman pada malam 15 Ogos. Dalam gambar sa-belah kanan kelihatan Inche Hashim bin Abdul Jalil dari Negeri Sembilan (mekai pakaian Melayu) sedang berchakap dengan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Setia Marsal bin Ma'un. Dalam gambar sa-belah kiri pula kelihatan Puan Lee Kwo Yan berasal dari Pulau Pinang dan kini mengajar di-Alor Star, Kedah sedang berjabat tangan dengan isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Setia Haji Ali, Timbalan Menteri Besar Brunei.

